

| | | | |
|------------|---------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Penyelidik terulung | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 28 Jun 2016 | Color | Full Color |
| Section | Setempat | Circulation | 1,270,667 |
| Page No | 42 | Readership | 3,812,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 534 cm ² |
| Journalist | Fairul Asmaini Mohd Pilus | AdValue | RM 20,956 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 62,868 |



Penyelidik terulung

■ Dr Abd Latif kongsi pengalaman sebagai saintis perhutanan

Wajah Kehidupan

Bidang penyelidikan hutan bukan baru di negara ini dan dalam kalangan pencinta alam sekitar, nama Datuk Dr Abd Latif Mohmod memang popular.

Beliau bukan saja terkenal kerana kelantangannya dalam memperjuangkan program

pemuliharaan, malah turut dikenali sebagai seorang penyelidik hebat tanah air.

Bahagian akhir Wajah Kehidupan minggu ini membawa pembaca terhadap kisah Ketua Pengarah FRIM yang berkongsi kisah menarik beliau sepanjang lebih 31 tahun berkhidmat di agensi berkenaan.

jui Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Menurut Dr Abd Latiff, menjadi seorang penyelidik memerlukan komitmen, usaha serta disiplin yang tinggi untuk memastikan kejayaan dan keberkesanan kajian yang dijalankan.

Katanya, seorang pe-

nyelidik tidak boleh mudah putus asa dan berpegang kepada prinsip berani kerana benar.

"Selain itu, kita juga perlu mengutamakan integriti dan melakukan penyelidikan secara berhemah.

"Paling utama, jangan lupa tanggungjawab dan amanah kita terhadap Allah," katanya ketika ditemui.

Dr Abd Latif yang mengambil alih pucuk pimpinan FRIM sejak Mei 2008 adalah saintis perhutanan per-

tama dan satu-satunya menerima pengiktirafan Anugerah Saintis Muda Negara (1993) yang sehingga kini tidak pengganti, Outstanding Young Malaysian Award (1999) dan Eisenhower Fellowship dari Amerika Syarikat (1999).

Beliau juga penerima termuda 'IUFRO Scientific Achievement Award' ketika berusia 34 tahun pada 1995, penerima 'Anugerah National Inventor Award (1997),

Rotary Research Gold Medal Award (2012), dan Anugerah Pencapaian Sains dan Teknologi (S&T) dari pada Malaysian Scientific Association (MSA), (2012).

Selain itu, beliau adalah saintis FRIM yang pertama menerima Anugerah Top Research Scientist Malaysia (TRSM) dan turut dilantik sebagai Felo di Akademi Sains Malaysia (ASM) serta memenangi Anugerah Perdana bagi Kategori Tokoh Buku Penyelidikan 2015 daripada Yayasan Pembangunan Buku Negara (YPBN).

Sepanjang berkhidmat sebagai pegawai penyelidik, beliau menghasilkan lebih 300 penulisan saintifik ber-kaitan alam sekitar.

Fairul Asmaini Mohd Pilus
asmaini@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Nama Datuk Dr Abd Latif Mohmod dalam bidang penyelidikan hutan negara sudah tidak perlu diperkenalkan lagi.

Beliau adalah perintis dalam mengendalikan pelbagai projek penyelidikan, pembangunan dan aplikasi penggunaan hasil hutan bukan kayu seperti rotan, buluh serta palma.

Menyingkap kisah penyelidik hebat ini ia mampu memberi inspirasi kepada anak muda khususnya yang memasang impian untuk bergelar saintis supaya berani mengejar impian masing-masing.

Apa tidaknya, bermula hanya sebagai seorang pegawai penyelidik biasa kira-kira 31 tahun lalu, anak kelahiran Simpang Renggam, Johor itu kini memikul tanggungjawab besar menera-



Kita perlu mengutamakan integriti dan melakukan penyelidikan secara berhemah

Dr Abd Latif Mohmod

| | | | |
|------------|---------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Penyelidik terulung | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 28 Jun 2016 | Color | Full Color |
| Section | Setempat | Circulation | 1,270,667 |
| Page No | 42 | Readership | 3,812,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 534 cm ² |
| Journalist | Fairul Asmaini Mohd Pilus | AdValue | RM 20,956 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 62,868 |



DR ABD Latif menunjukkan anugerah dan sijil penghargaan yang diterimanya sepanjang 31 berkhidmat dengan FRIM.

>>Dr Abd Latif adalah **saintis** perhutanan **pertama** dan **satu-satunya** menerima Anugerah Saintis Muda Negara (1993) yang sehingga kini tiada pengganti